

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
06 OGOS 2016
SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	WANITA SASAR 30 PERTUS PENCALONAN PRU 14	2
BERITA HARIAN	WANITA MAHU RAMAI AHLI JADI CALON PRU -14	3
THE STAR	AGREEMENTS A BOOST FOR JOHOR HALAL PARK	4
HARIAN METRO	HANYA DIA JANTUNG HATIKU	5



SINAR HARIAN

SH 6/8/16

Wanita sasar 30 peratus pencalonan PRU14

PASIR GUDANG - Wanita Umno menyasarkan pencalonan wanita lebih ramai sebanyak 30 peratus dalam PRU14 akan datang.

Ketuanya, Tan Sri Shahrizat Abd Jalil berkata, pergerakan itu mempunyai 1.3 juta ahli di seluruh negara namun setakat ini penyertaan wanita dalam kerajaan masih kurang, hanya kira-kira 10 peratus.

"Terdapat 1.3 juta ahli Wanita Umno seluruh Malaysia, bagi mencapai sasaran 30 peratus ini saya menyeru semua agar bersiap sedia untuk dicalonkan dalam PRU14 ini.

"Kita adalah ahli paling ramai dan paling aktif malah suara Wanita amat berkesan sebagai tulang parti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang di Politeknik Ibrahim Sultan di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Wanita Umno Johor, Datuk Sharifah Azizah Syed Zain dan Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang, Normala Abdul



Shahrizat (kanan) menyampaikan sumbangan Tabung Nadi Pejuang Rakyat kepada bekas Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang, Musliha Othman.

Samad.

Sementara itu ketika berucap, Shahrizat mengingatkan ahli Umno supaya memberi sokongan kepada pucuk pimpinan parti dan tidak mudah percaya dengan pelbagai tohmahan dilemparkan demi kelangsungan parti dan BN.

Beliau turut menegaskan, Wanita Umno tidak terjebak dengan budaya 'politiking' se-

baliknya memberi tumpuan kepada perjuangan parti dan kepentingan rakyat.

Pada majlis itu Shahrizat turut menyampaikan sumbangan Tabung Nadi Pejuang Rakyat kepada lima veteran Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang dan RM5,000 kepada Kelab Usahanita yang diperkenalkan Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang.



BERITA HARIAN

Wanita mahu ramai ahli jadi calon PRU-14

BH 6/8/16

➔ Suara sayap berkesan sebagai tonggak parti

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Johor Bahru

Wanita UMNO mahu lebih ramai ahli dari pergerakan itu dipilih sebagai calon pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.

Ketuanya, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata sehingga kini calon daripada pergerakan itu hanya

10 peratus dan beliau komited memperjuangkan untuk lebih ramai lagi ahli menjadi calon untuk PRU akan datang.

“Kita (Wanita) adalah sayap yang memiliki ahli paling ramai dan paling aktif, malah suara Wanita amat berkesan sebagai tulang belakang parti.

“Saya juga ingin menasihatkan kepada semua ahli Wanita untuk meletakkan fokus membawa paduan dalam parti sepanjang berlangsungnya mesyuarat perwakilan kali ini,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis perasmian mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang di Politeknik Ibrahim Sultan di sini, semalam.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]



Shahrizat bersama perwakilan selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang di Pasir Gudang, semalam.



THE STAR

Agreements a boost for Johor Halal Park

STAR 6/8/2016

By NORBAITI PHAHARADZI
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: The three memorandums of understanding (MoU) that were recently signed will help to boost the Johor Halal Park into becoming the first premium bio-halal industrial park in Malaysia.

The MoUs were signed between UML and J-Biotech Sdn Bhd (UJP), Toyyiban Laboratories Sdn Bhd (JTLab), Johor Islamic Religious Council (MAIJ) and SME Corporation Malaysia (SME Corp) during the World Islamic Economic Forum 2016 (WIEF) in Jakarta.

UML and group managing director Dennis Ng said that the signing marked a significant step forward in making Johor Halal Park a glob-

ally recognised premium bio-halal industrial park.

"In line with our philosophy of Built World Class, we believe that the success and growth of the park can only be achieved with the continued support and buy-in from key stakeholders, be it from the public or private sector locally and internationally.

"As such, we are delighted to be able to finalise these important MoUs in conjunction with WIEF, which is one of the world's most significant economic forums," he added.

UJP chief executive officer Mohd Noor Abd Salam said that the park is located about 15 minutes from the Pasir Gudang Port and within close proximity of Iskandar Malaysia's Eastern Gate.

He said that as a freehold land, the park has a gross development value of approximately RM1.5bil and would be developed in different phases over five to seven years.

"The park components will include a regional marketing and clearing house, an integrated packaging, warehousing and logistic one-stop centre as well as a scientific and halal laboratory," he added.

He said that this is a strategic development to position Johor as one of the best halal industrial parks in the world in terms of world-class facilities and halal eco-system.

The first MoU was signed between UJP and JTLab to formalise the establishment of an international scientific and halal laborato-

ry in two stages by 2017 and 2018 with incubator facilities of international standards, within Johor Halal Park.

Based on the agreement, JTLab would provide comprehensive scientific services for regional and international markets in the state with a value at approximately RM20mil. The second MoU was signed between UJP and MAIJ for the purchase of freehold properties located in the park, which include six units of link-detached and cluster factories worth approximately RM16.5mil and five units of shop-office valued at about RM4mil.

The third MoU, between UJP and SME Corp, was for a collaboration to turn the park into a conducive platform for SME growth.



HARIAN METRO

HANYA DIA JANTUNG HATIKU

■ Nenek tak peduli sakit kronik, cari rezeki sebagai pekerja pembersihan sara zuriat tunggal

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

HM
Pasir Gudang 6/8/16

Seorang nenek berstatus muallaf nekad menyara cucu tunggalnya, Muhammad Habibullah Abdullah, 15, dengan bekerja sebagai pekerja pembersihan di sebuah hotel bajet selepas anak perempuan dikatakan mengilangkan diri sejak lebih 10 tahun lalu.

Siti Khadijah, 60, berkata, dia dan Muhammad Habibullah tinggal di kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Cendana, di sini, dengan bergantung kepada pendapatan RM900 setiap bulan.

Menurutnya, biarpun kerap mengalami masalah kesihatan akibat kesan tekanan darah tinggi, kencing manis selain sakit di bahagian lutut, dia perlu menguatkan semangat untuk keluar bekerja demi mengisi perut Muhammad Habibullah.

"Hanya kami berdua saja tinggal di rumah ini selepas arwah suami, Othman Abdullah, 77, meninggal akibat sakit tua pada Januari lalu," katanya selepas menerima kunjungan daripada penduduk setempat di sini, semalam.

Berkongsi kisah dirinya memeluk Islam, katanya, ia



SITI Khadijah (kiri) menerima kunjungan daripada penduduk sekitar Pasir Gudang di rumahnya.

berkaitan mimpi pernah dialaminya sebelum mendengar bisikan perkataan Allah.

"Saya pernah bermimpi mandi laut dan ketika itu terdengar suara yang berbisik perkataan Allah di telinga dan apabila saya berkongsi hajat supaya kami sekeluarga memeluk Islam, suami juga bersetuju dan kami memeluk Islam pada 15 April tahun lalu," katanya.

Siti Khadijah mengakui, sebagai muallaf, dia juga tidak ketinggalan menerima pelbagai ujian dari Allah,

namun sebagai umat Islam, dia belajar bersabar, tabah dan yakin setiap dugaan itu terdapat hikmah.

Menurutnya, sebagai nenek dia hanya berharap Muhammad Habibullah memiliki masa depan cerah.

"Cucu yang pernah mengalami masalah kemurungan selepas suami saya meninggal dunia kini semakin pulih dan dia yang sudah berhenti sekolah bakal memohon mengikuti kursus ke mahiran di kolej berhampiran," katanya.

Siti Khadijah berkata, hasil bekerja dari jam 9 pagi hingga 5 petang pada setiap hari kecuali Isnin, pendapatan diperolehnya digunakan bagi menampung kos sewa rumah RM100, bil utiliti dan perbelanjaan dapur.

"Walaupun mengalami diabetes, tekanan darah tinggi dan sakit lutut, saya tidak pernah ponteng kerja kerana mahu mengisi perut cucu dan memastikan bekalan dapur tidak terputus.

"Pada Ramadan lalu dan Aidilfitri, saya bersyukur kerana menerima bantuan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan penyumbang lain yang mampu meringankan beban saya," katanya.

FAKTA

Arwah suami Siti Khadijah meninggal akibat sakit tua pada Januari lalu

